

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

1. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
 - (a) Maklumkan secara terperinci tentang projek pembesaran LTAPP.
 - (b) Adakah projek ini merangkumi pembesaran *runway* atau landasan terbang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Projek pembesaran LTAPP ini melibatkan pembesaran kapasiti lapangan terbang daripada 6.5 mppa (*million passenger per annum*) kepada 12 mppa apabila siap kelak. Anggaran kos keseluruhan bagi projek pembesaran LTAPP ini adalah sebanyak RM1.55 bilion di mana hampir keseluruhannya akan dibiayai melalui inisiatif pembiayaan swasta oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) tanpa sebarang kerjasama dengan syarikat swasta lain.

Projek pembesaran LTAPP melibatkan tiga (3) pakej seperti berikut:

- (i) *Works Package 1* (WP01) melibatkan kerja-kerja bangunan sokongan dan pembinaan Remote Digital Virtual Tower (RDVT);
- (ii) *Works Package 2* (WP02) melibatkan kerja-kerja infrastruktur *airside* dan apron; dan

- (iii) *Works Package 3* (WP03) melibatkan kerja-kerja di terminal utama.

Buat masa ini, *Letter of Award* (LOA) bagi WP01 telah dikeluarkan pada bulan Julai 2024.

- (b) Projek ini tidak merangkumi pembesaran *runway* atau landasan terbang sebaliknya melibatkan komponen pengubahsuaian terminal utama, pembesaran terminal baharu dan infrastruktur awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

2. Projek naik taraf Taman Tun Sardon.
 - (a) Senaraikan projek-projek naik taraf blok perumahan Taman Tun Sardon serta kos terlibat sejak tahun 2022 sehingga kini, termasuk nama dan skop projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Skim Rumah Pangsa Taman Tun Sardon yang terbahagi kepada Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 masing-masing telah dibina pada tahun 1979, 1982 dan 1995 di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Skim perumahan tersebut mempunyai 30 buah blok bangunan dengan komponen pembangunan yang terdiri daripada 1,246 unit kediaman dan 14 unit kedai.

Peruntukan Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf Rumah Pangsa Taman Tun Sardon adalah melalui Bajet Pembangunan P.01 (11 – Rancangan Perumahan Murah) dan Akaun Amanah Perumahan Mampu Milik Negeri Pulau Pinang (Kod 60045 Vot Dana L445). Di samping itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut menyalurkan peruntukan penyelenggaraan melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi perumahan awam.

Sejak dari tahun 2022 sehingga 31 Oktober 2024, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM3,106,682.95** bagi keseluruhan 175 buah projek dengan purata sebanyak RM1,035,560.98 dibelanjakan setiap tahun.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan di perumahan awam demi menyediakan persekitaran yang selesa dan berkualiti kepada penghuni. Perincian projek yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang melalui kontraktor yang dilantik bagi tahun 2022 sehingga 31 Oktober 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

PERINCIAN KERJA-KERJA NAIK TARAF DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON FASA 1

SUMBER PERUNTUKAN: BELANJA PEMBANGUNAN P.01 (11 – RANCANGAN PERUMAHAN MURAH)

BIL	TAHUN	SKOP KERJA	TAJUK KERJA	KOS PROJEK (RM)
1	2024	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP GUNASAMA, DAN BUMBUNG YANG ROSAK SERTA LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK C-4-5 & E-4-1 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL, PULAU PINANG	7,063.30
2	2024	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP GUNASAMA, GUTTER DAN BUMBUNG YANG ROSAK SERTA LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK AK, AD, B & E PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1&2 DTL, PULAU PINANG	7,805.58
3	2024	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP GUNASAMA DAN BUMBUNG YANG ROSAK SERTA LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK C-4-2 & D-4-4 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL, PULAU PINANG	5,765.11
4	2024	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP GUNASAMA SERTA LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK B-4-3 & PEJABAT PENGURUSAN PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL, PULAU PINANG	3,255.81
5	2024	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN GUNASAMA DAN BUMBUNG YANG ROSAK SERTA LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK E & AR PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1&2, DTL, PULAU PINANG	5,261.24
JUMLAH				29,151.04

SUMBER PERUNTUKAN: AKAUN AMANAH PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGERI PULAU PINANG

BIL	TAHUN	SKOP KERJA	TAJUK KERJA	KOS PROJEK (RM)
1	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG METALDECK DI UNIT E-4-4, E-4-5 & E-4-8 TAMAN TUN SARDON FASA I	3,444.00
2	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DI UNIT A-4-3 TAMAN TUN SARDON FASA I	1,720.90
3	2022	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP GUNASAMA DI UNIT E-3-5, E-4-5 & B-1-2 TAMAN TUN SARDON FASA I	3,374.55
4	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DI UNIT E-4-2 TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	1,921.00
5	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DI UNIT E-4-1 SERTA KERJA BERKAITAN PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	3,040.00
6	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DI UNIT D-4-3 SERTA KERJA BERKAITAN PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,553.60
7	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DI PEJABAT PERUMAHAN SERTA KERJA BERKAITAN DI PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON, DTL	10,431.63
8	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA MEMBAIKI BUMBUNG DAN KONKRIT GUTTER SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT E-4-4 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,654.40
9	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA MEMBAIKI BUMBUNG DAN KONKRIT GUTTER SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT E-4-8 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,654.40
10	2022	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT C-2-4 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,045.69
11	2022	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT E-3-2 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	3,238.08
12	2022	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT A-3-3 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,078.12
13	2022	KUMBAHAN	KERJA-KERJA MEMBERSIH, MERODING DAN MENGANGKUT KELUAR SISA KUMBAHAN DARI TANGKI SEPTIK, KEKOTAK MAINHOLE DAN SALURAN BUANGAN DI PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	990.00
14	2022	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT D-3-4, D-4-4 & D-2-4 DI PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	8,869.62
15	2022	KUMBAHAN	KERJA-KERJA MEMBERSIH, MERODING DAN MENGANGKUT KELUAR SISA KUMBAHAN DARI TANGKI SEPTIK, KEKOTAK MAINHOLE DAN SALURAN BUANGAN DI PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	600.00
16	2022	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DI UNIT D-4-7 SERTA KERJA BERKAITAN PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	3,075.40
17	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT C-1-7 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,172.57
18	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT C-3-4 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,079.04
19	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP AIR RETIKULASI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT C-4-4 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	823.60
20	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT B-G-1, PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	5,133.29

21	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT B-4 1 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	5,133.29
22	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT B-1 1 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	5,133.29
23	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT B-2 1 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	5,133.29
24	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP SANITARI SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT B-3 1 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	5,133.29
25	2023	KUMBAHAN	KERJA-KERJA MEMBAIKI PENUTUP KEKOTAK PEMBENTUNG SERTA KERJA BERKAITAN DI BLOK D FASA 1, PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON, DTL	2,834.34
26	2023	BUMBUNG	KERJA-KERJA MEMBAIKI BUMBUNG SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT E-4-2 FASA 1 PERUMAHAN TAMAN TUN SARDON, DTL	2,815.40
27	2023	BUMBUNG	KERJA-KERJA MEMBAIKI BUMBUNG SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT C-4-4 FASA 1, PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON, DTL	2,095.40
28	2023	BUMBUNG	KERJA-KERJA MEMBAIKI BUMBUNG SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT D-4-4 FASA 1, PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON, DTL	1,775.40
29	2023	BUMBUNG	KERJA-KERJA MEMBAIKI BUMBUNG SERTA KERJA BERKAITAN DI UNIT D-4-3 FASA 1, PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON, DTL	2,495.40
30	2023	ELEKTRIK	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LITAR PINTAS DAN MENGGANTIKAN LAMPU DI BLOK A,B,C,D & E TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	3,738.55
31	2023	ELEKTRIK	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LITAR PINTAS, GANTI LAMPU KORIDOR SERTA KERJA BERKAITAN DI BLOK A,B,C,D & E PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	5,406.25
32	2023	ELEKTRIK	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LITAR PINTAS DAN PENGGANTIAN LANTERA LAMPU JALAN DAN PENDAWAI SEMULA SERTA KERJA BERKAITAN DI PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	9,210.71
33	2024	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG GUTTER YANG MENGALAMI RESAPAN SERTA LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK E-4-5 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1, DTL	2,502.40
34	2024	TURAP JALAN	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN YANG TELAH PECAH DAN BERLUBANG TERMASUK LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 1,2 & 3, DTL	3,629.15
JUMLAH				119,936.05

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

3. Adakah projek infrastruktur seperti Pakej 1 dan Pakej 3 akan dijalankan?
- (a) Bilakah projek-projek ini akan bermula dan dijangka siap?
 - (b) Apakah kos yang terlibat dalam projek berkenaan?
 - (c) Bagaimanakah kerajaan memastikan projek ini ditangani dengan lebih baik memandangkan prestasi projek Pakej 2 telah menimbulkan pelbagai masalah dan kesulitan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Projek Pakej 1 akan dilaksanakan manakala Projek Pakej 3 ditangguhkan selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri pada April 2022. Pelaksanaan Pakej 1 dijangka bermula apabila semua kelulusan wajib diperolehi.

Kos yang terlibat bagi Pakej 1 ialah terbahagi kepada Part 1 dan Part 2 dimana Part 1 melibatkan kos Kajian Kebolehlaksanaan (FS) dan *Preliminary Detailed Design* (PDD) manakala Part 2 merangkumi kos Pengambilan Tanah (LA) dan Kos Pembinaan.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif berkaitan pembinaan projek khususnya dalam aspek keselamatan, alam sekitar dan pematuhan kepada piawaian yang berkaitan

Proses kawalan Kerajaan Negeri terhadap projek ini adalah melalui kerjasama dengan Penang Infrastructure Corporation (PIC) selaku agensi pelaksana projek dengan menyampaikan nasihat, cadangan

dan pelbagai peringatan untuk memastikan semua kaedah, tatacara dan sistem kerja dilaksanakan dengan betul, selamat dan teratur selaras dengan pematuhan kepada akta, peraturan, undang-undang, piawaian dan garis panduan yang ditetapkan.

Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga akan memperkasakan pemantauan melalui pengauditan tapak.

Sebagai contoh, Ops Lumpur dan Audit Alam Sekitar akan dilaksanakan bagi memastikan langkah-langkah mitigasi seperti kerja tanah, hidrologi dan alam sekitar dipatuhi. Selain itu, Garis Panduan Pembangunan Lereng Bukit telah disyaratkan untuk mengemukakan Laporan Geoteknikal yang komprehensif bagi tujuan penilaian secara menyeluruh oleh agensi teknikal berkaitan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Tanah Berisiko bagi memastikan kawasan bercerun/berbukit itu selamat dan stabil demi kepentingan semua pihak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

4. Permohonan Rumah Mampu Milik (RMM).
- (a) Terdapat dakwaan bahawa pemohon RMM terpaksa menunggu berpuluh-puluh tahun untuk mendapatkan rumah. Senaraikan secara terperinci proses penilaian pemohon RMM.
 - (b) Bagaimanakah pemilihan dibuat?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Dalam usaha Kerajaan Negeri menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat khususnya bagi permohonan Rumah Mampu Milik (RMM), permohonan secara dalam talian sepenuhnya telah dimulakan pada 1 Ogos 2023 di laman portal www.lpnpp.gov.my. Pemohon perlu mengemukakan permohonan serta memuat naik dokumen sokongan seperti penyata gaji, salinan kad pengenalan dan dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan sebagai bukti kelayakan memohon. Permohonan yang lengkap akan diterima dan seterusnya dikategorikan sebagai senarai menunggu.
- (a) Dakwaan bahawa terdapat pemohon RMM yang terpaksa menunggu lama sehingga berpuluh-puluh tahun untuk mendapatkan rumah adalah tidak benar. Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar iaitu setiap permohonan RMM perlu dikemas kini setiap tiga (3) tahun bagi membolehkan penawaran dilaksanakan. Kemas kini maklumat berkaitan oleh pemohon tidak menjejaskan tahun asal pendaftaran. Tempoh menunggu yang lama adalah berikutan Sistem Maklumat Perumahan (SMP), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)

masih mengekalkan data-data pendaftaran pemohon sejak tahun 2008 yang merangkumi permohonan yang telah melebihi 10 tahun serta tidak dikemas kini. Lanjutan itu, LPNPP telah melaksanakan proses pemurnian data mulai Ogos 2022. Sehingga kini, terdapat sebanyak 7,266 permohonan senarai menunggu aktif dalam SMP [kemas kini tidak melebihi tiga (3) tahun].

LPNPP telah mempergiatkan usaha hebahan kepada orang awam melalui saluran media sosial, surat khabar dan ekspo/pameran perumahan. Mulai Januari 2025, LPNPP juga akan meneruskan inisiatif untuk melaksanakan pemurniaan data dengan membuat penyisihan data tidak aktif melebihi tiga (3) tahun bagi memperkukuh data permohonan dalam SMP LPNPP.

- (b) Proses pemilihan dan penawaran dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan / *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE) yang bersidang hampir setiap bulan untuk memperakukan permohonan dalam senarai menunggu yang aktif. Sehingga 30 Oktober 2024, mesyuarat ini telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali dan seramai 3,741 orang pemohon telah diperakukan untuk ditawarkan daripada keseluruhan senarai menunggu yang aktif.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

5. Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang.
- (a) Bilakah projek LRT akan dimulakan?
 - (b) Apakah status terkini projek LRT?
 - (c) Di manakah lokasi perhentian LRT di Seri Delima seperti di Gelugor dan The Light? Berikan maklumat terperinci.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Bagi pelaksanaan LRT Laluan Mutiara ini, MRT Corp dilantik sebagai agensi pelaksana dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak Civil Main Contractor 1 (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara. Tarikh bermula pembinaan tertakluk kepada pemuktamadan rundingan tersebut.
- (b) Proses pewartaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi koridor jajaran Fasa 1 telah dilaksanakan supaya pihak MRT Corp dapat menjalankan kerja-kerja survei dan ukur tanah. Pihak MRT Corp kini juga sedang dalam proses mengadakan perbincangan dengan pemegang-pemegang taruh berkaitan (stakeholders) untuk memuktamadkan pengambilan balik tanah berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

- (c) Lokasi stesen LRT di Gelugor terletak berhampiran dengan Dewan Koperasi Sungai Gelugor dan stesen The Light dicadangkan berhampiran Penang Waterfront Expo Centre dan Bangunan E Gate Penang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

6. Pihak KADUN sering menerima aduan mengenai prestasi pengurusan harta (PH) di Taman Tun Sardon yang tidak responsif dan tidak efektif. Kebersihan dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan adalah kurang memuaskan.
- (a) Senaraikan latar belakang dan kontrak Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bersama PH serta apakah tindakan yang akan diambil oleh LPNPP untuk mengatasi masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Salah satu prosedur utama bagi tujuan pengurusan aduan oleh Pengurus Harta (PH) di Rumah Pangsa Taman Tun Sardon adalah dengan mengisi Borang Aduan yang telah disediakan di Pejabat Pengurusan PH. Borang Aduan yang diisi akan terus disampaikan kepada pegawai bertanggungjawab di Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) untuk tindakan lanjut. Isu utama yang dihadapi oleh PH Rumah Pangsa Taman Tun Sardon adalah pengadu terus membuat aduan kepada pihak KADUN tanpa melalui Pejabat Pengurusan PH memandangkan terdapat antara pengadu yang mempunyai rekod tunggakan selenggara yang tinggi.

Kontrak LPNPP dengan PH yang dilantik iaitu Hapizal Enterprise adalah melalui Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Harta Bagi 3,303 Unit Rumah Dan 74 Unit Kedai Di Sembilan (9) Buah Skim Perumahan Awam Di Daerah Timur Laut (DTL) Dan Daerah Barat Daya (DBD). Tender yang bernilai RM5,887,400.00 ini adalah bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31

Disember 2025 serta berpusat di tiga (3) buah Pejabat Pengurusan iaitu di Rumah Pangsa Kampung Melayu, Rumah Pangsa Taman Free School dan Rumah Pangsa Taman Tun Sardon. Sembilan (9) buah skim perumahan yang diselia melalui kontrak perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

- (i) Rumah Pangsa Kampung Melayu;
- (ii) Rumah Pangsa Paya Terubong;
- (iii) Rumah Pangsa Taman Free School;
- (iv) Rumah Sewa Kerajaan Negeri Pangsapuri Pelangi;
- (v) Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Fasa I;
- (vi) Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Fasa II;
- (vii) Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Fasa III;
- (viii) Perumahan Permatang Damar Laut Fasa II; dan
- (ix) Rumah Pangsa Teluk Bahang.

Skop tugas umum PH yang dilantik di semua skim Perumahan Awam Kos Rendah seluruh Negeri Pulau Pinang di bawah seliaan LPNPP adalah seperti berikut:

- (i) Pengurusan pentadbiran;
- (ii) Perkhidmatan kutipan wang sewaan dan/atau selenggara;
- (iii) Perkhidmatan pembersihan;
- (iv) Pelaksanaan *houserules* dan tindakan penguatkuasaan;
- (v) Pengurusan aduan makhluk perosak; dan
- (vi) Pengurusan aduan teknikal.

Tindakan yang akan diambil oleh LPNPP bagi memastikan PH lebih responsif dan efektif adalah dengan mengadakan perjumpaan dan sesi libat urus antara LPNPP, PH serta pihak KADUN bagi

menyelesaikan isu-isu berbangkit dan penyelarasan hala tuju skim perumahan yang terlibat. Pihak LPNPP juga sentiasa boleh dihubungi secara terus oleh pejabat KADUN melalui e-mel, telefon bimbit termasuk aplikasi *WhatsApp* sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan skim perumahan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

7. Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI).

- (a) Di manakah Pusat NADI untuk KADUN Seri Delima akan diwujudkan?
- (b) Bilakah pusat ini akan mula beroperasi?
- (c) Apakah fasiliti yang akan dibekalkan? Berikan maklumat terperinci.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) telah diwujudkan di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima pada bulan September 2024 di alamat Tingkat Bawah, Dewan Flat Taman Tun Sardon, 11700, Gelugor, Pulau Pinang.
- (b) Pusat NADI ini mula beroperasi secara rasmi pada 30 September 2024.
- (c) Antara fasiliti yang disediakan di semua Pusat NADI adalah seperti berikut:
- (i) Menyediakan capaian internet kepada pelanggan melalui komputer riba yang dibekalkan;
 - (ii) Memperkasa kemahiran digital dalam komuniti melalui latihan yang berkaitan;

- (iii) Menjadi pusat penyebaran maklumat terkini berkenaan dengan sebarang inisiatif kerajaan;
- (iv) Menyediakan servis cetakan, fotokopi dan imbas bagi sebarang dokumen; dan
- (v) Menyediakan ruang sewaan untuk sebarang program dan latihan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

8. Tapak pelupusan sampah.

- (a) Apakah status dan kapasiti semasa tapak pelupusan sampah di Pulau Pinang?
- (b) Apakah perancangan untuk Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ)?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mempertimbangkan pemasangan insinerator sebagai alternatif untuk mengurangkan beban di tapak pelupusan sedia ada?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Pada masa ini, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) sedang beroperasi di Sel 1, Fasa 3 dan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Operasi di sel tersebut telah bermula sejak Disember 2020 sehingga kini dan telah mencapai had ketinggian maksimum iaitu 25 meter. Selain itu, TPSPB menerima kemasukan sisa pepejal sebanyak 2,200 tan sehingga 2,400 tan sehari secara purata dengan purata trip kemasukan sisa pepejal sebanyak 400 trip sehingga 600 trip sehari.
- (b) Penerangan berkenaan perancangan bagi Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun 2020, satu perjanjian telah ditandatangani antara Syarikat PLB Engineering Berhad (PLBE), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Kerajaan Negeri bagi tujuan Cadangan Projek Penutupan Selamat TPSJ, Penyediaan Tapak Baharu Bagi Pelupusan Sisa Buangan Bahan Binaan dan *Marine Clay* dan Pembangunan di Tapak Yang Telah Direhabilitasi; dan
 - (ii) Pada masa ini, pihak PLBE sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan bagi kerja-kerja rehabilitasi di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong. Setelah kesemua kelulusan diperolehi, peringkat seterusnya adalah permulaan kerja-kerja rehabilitasi. Pembangunan bercampur akan dibina di atas tapak tersebut setelah kerja rehabilitasi selesai.
- (c) Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bercadang untuk membangunkan Loji *Waste to Energy* (WTE) di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) menggunakan teknologi berkonsepkan sifar sisa. Teknologi WTE yang dicadangkan tidak terhad kepada insinerator sahaja dan terbuka kepada teknologi-teknologi yang berkonsepkan WTE seperti *incineration*, *anaerobic digestion*, *pyrolysis* dan sebagainya. Pembinaan WTE tersebut dapat menyelesaikan masalah sisa pepejal dan pada masa yang sama dapat memanjangkan hayat TPSPB. WTE tersebut sepatutnya dibuka melalui proses *Request for Proposal* (RFP) pada bulan Mac 2024 yang lalu, namun proses tersebut terhenti disebabkan oleh proses kajian dan rundingan bersama Kerajaan Persekutuan bagi menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

9. Masalah banjir lumpur dan kapasiti longkang di sekitar projek Pakej 2.
- (a) Masalah banjir lumpur di kawasan Island Glades semakin serius. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kontraktor untuk menangani masalah ini?
 - (b) Senaraikan rancangan projek menaik taraf longkang dan parit bagi tahun 2024 dan 2025.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Kerajaan Negeri sedia maklum berkenaan masalah banjir lumpur yang melibatkan Projek Pakej 2 iaitu Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Air Itam. Justeru, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan tindakan-tindakan yang sewajarnya kepada kontraktor iaitu Consortium Zenith Construction (CZC) seperti berikut:
- (i) Pembinaan tiga (3) buah kolam kelodak di kawasan berhampiran iaitu di Changkat Delima 2 dan kontraktor perlu memastikan keadaan dan kapasiti kolam kelodak dalam keadaan terkawal;
 - (ii) Melaksanakan kerja-kerja *desilting* (nyahkelodak) dilaksanakan setiap kali pasir memendap dalam kolam dan pelepasan air dilaksanakan setiap hari secara konsisten dan berterusan;

- (iii) Memasang dan menyelenggara *check dam* di laluan *earth drain* di dalam kawasan projek dan sekitar longkang perumahan;
 - iv) Mewujudkan pasukan khas oleh pihak kontraktor bagi memantau keadaan lokasi-lokasi kritikal ketika hujan untuk memastikan keadaan sekeliling berada dalam keadaan terkawal serta melaporkan keadaan semasa bagi membolehkan tindakan segera dapat dilaksanakan;
 - (v) Penaiktarafan rekabentuk sistem perparitan di kawasan *Island Glades* yang terjejas dan pelaksanaan *slope stabilization work (soil nailing, guniting, turfing, hydro-seeding)* di kawasan bercerun bagi mengurangkan limpahan air lumpur kesan dari hakisan tanah; dan
 - (vi) Pelaksanakan ‘Ops Lumpur’ dari semasa ke semasa oleh pihak MBPP, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang(JPS) serta Penang Infrastructure Corporation (PIC) bagi memastikan tiada kacau ganggu kepada keselamatan orang awam, harta awam dan persekitaran.
- (b) Berikut adalah senarai projek menaiktaraf longkang dan parit bagi tahun 2024 dan 2025.

MBPP: 2024

- (i) Menaiktaraf Sistem Saliran di Jalan Dato Keramat (Dari Premis No. 554 hingga Premis No. 428A Jalan Dato Keramat), DTL, Pulau Pinang;
- (ii) Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran di Kampung Bagan Jermal (di Sebahagian Lot 2822 dan Lot 1011), DTL, Pulau Pinang;
- (iii) Menaiktaraf sistem saliran di Jalan Anson (Dari persimpangan Jalan Macalister hingga Lebuh Melaka), DTL, Pulau Pinang;
- (iv) Kerja-Kerja penyelenggaraan parit dan bahu jalan di Jalan Ayer Itam dan Lorong Batu Lancang (Bermula dari Persimpangan Jalan Ibbetson hingga ke Persimpangan Jalan Grove), DTL, Pulau Pinang;

- (v) Kerja-kerja pemasangan Screw Pump, pembinaan Struktur Pump Sump dan Kerja-kerja berkaitan di Outlet Parit Monsoon Jalan Ismail Che Mat, DTL, Pulau Pinang;
- (vi) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan parit Serta bahu jalan di Lebuh Carnavon dari persimpangan Jalan Dr. Lim Chewee Leong hingga Persimpangan Pesara Claimant, DTL, Pulau Pinang; dan
- (vii) Menaik taraf sistem saliran dan Bahu Jalan di Lebuhraya Babington, DTL, Pulau Pinang.

MBPP: 2025

- (i) Menaiktaraf sistem saliran di Lebuh Duke, DTL, Pulau Pinang; dan
- (ii) Menaiktaraf sistem saliran di Jalan Larut (hadapan SK Wellesley), DTL, Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

10. Pas Mutiara.

- (a) Berapakah jumlah pemegang kad Pas Mutiara setakat ini? Senaraikan mengikut tahun sejak program ini dilancarkan.
- (b) Apakah latar belakang demografi pengguna Pas Mutiara mengikut umur dan jantina sejak tahun 2023 hingga 2024?
- (c) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah pemegang kad Pas Mutiara?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Data bagi purata langganan Pas Mutiara sejak pelancarannya pada September 2019 adalah seperti jadual dibawah:

Tahun	Purata langganan bulanan
2019	2587
2020	2001
2021	5915
2022	10,392
2023	15,502
2024	18,482

(b) Demografi pemegang Pas Mutiara bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti yang berikut:

(i) Berdasarkan rekod, 62.1% pemegang Pas Mutiara adalah perempuan, manakala 37.9% adalah lelaki.

Skala umur pemegang pas adalah seperti jadual di bawah:

Umur	<10	10-19	20-39	40-59	60-79	80-99
%	0.22	23.44	35.90	16.94	22.56	0.94

(c) Langkah-langkah yang diambil bagi mempromosikan dan meningkatkan jumlah pemegang Pas Mutiara termasuk:

(i) **Pembukaan *booth* di acara dan lokasi strategik** - Menjalankan promosi di pelbagai acara seperti *roadshow* di pasaraya, pusat membeli-belah, dan program yang dianjurkan oleh YB serta komuniti setempat untuk meningkatkan kesedaran mengenai Pas Mutiara;

(ii) **Pelancaran laluan baharu** - Memperkenalkan laluan baru seperti T310 yang menghubungkan Universiti Sains Malaysia ke Queensbay Mall & Hub Bukit Jambul untuk meningkatkan kemudahan dan aksesibiliti bagi pengguna;

(iii) **Sesi *Digital Clinic*** – Bekerjasama dengan Digital Penang untuk menganjurkan sesi "*digital clinic*", memperkenalkan Pas Mutiara kepada warga emas dan berkongsi cara menggunakan aplikasi perancang perjalanan (*journey planner*); dan

(iv) **Promosi di Media Sosial** – Menggunakan platform media sosial Rapid Penang secara berkala untuk mempromosikan Pas Mutiara dan memperluaskan jangkauannya kepada masyarakat umum.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

11. Kebanyakan tanah kerajaan di bawah seliaan Pejabat Daerah dipenuhi semak samun dan tidak diselenggara dengan baik, menyebabkan ADUN kawasan perlu menangani isu ini.
- (a) Apakah peranan sebenar tuan tanah?
 - (b) Mengapakah peruntukan Ahli Parlimen tidak dibenarkan untuk digunakan bagi penyelenggaraan semak samun dan pokok? Apakah rasional di sebalik keputusan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Takrifan tanah Kerajaan dalam Akta 828 adalah semua tanah di dalam Negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai serta dasar laut seperti yang adalah dalam lingkungan wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain dari:
- (a) Tanah bermilik;
 - (b) Tanah rizab;
 - (c) Tanah lombong; dan
 - (d) “Mana-mana tanah yang di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau selepas permulaan Akta ini), buat masa itu adalah hutan simpanan.”

Dalam konteks tanah Kerajaan Negeri, tiada sebarang dokumen hakmilik dikeluarkan dan Pejabat Daerah juga tidak berperanan di sisi undang-undang sebagai pemilik tanah berdaftar atau tuan tanah.

- (a) Peranan tuan tanah seperti yang termaktub di bawah Seksyen 115, 116 dan 117, Kanun Tanah Negara ialah mengusahakan tanah seperti tujuan yang diluluskan, menjaga baik tanah dan bangunan di atasnya, membayar cukai tanah dan memastikan penggunaan tanah selari dengan Kategori Tanah, Syarat Nyata dan Syarat Tersirat. Tuan tanah berperanan untuk memastikan tanah diusahakan dan diselenggara selaras dengan maksud dinyatakan dalam dokumen hakmilik, khususnya dalam konteks penggunaan seperti dinyatakan dalam bahagian Kategori dan Syarat Nyata dalam dokumen hakmilik.
- (b) Penetapan supaya peruntukan Ahli Parlimen tidak dibenarkan untuk digunakan bagi penyelenggaraan semak samun telah digariskan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Projek Mesra Rakyat Bil. 2/2024 di bawah Perkara 10(vii) yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

12. Penginapan pekerja asing di Pulau Pinang.
- (a) Pulau Pinang terkenal sebagai destinasi pelaburan sektor pembuatan, namun terdapat isu kekurangan asrama untuk pekerja asing. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?
 - (b) Di manakah Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) akan dibina?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian serius berhubung masalah penginapan pekerja asing yang bekerja di sektor pembuatan di Negeri Pulau Pinang. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLAN Malaysia@Pulau Pinang) telah mewujudkan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 yang diluluskan pada 28 April 2022 untuk memenuhi keperluan semasa bagi penyediaan asrama pekerja dalam sektor perindustrian dan pembinaan. Kerajaan Negeri juga menggalakkan pemaju atau pemain industri menyediakan penginapan pekerja secara berpusat atau *Centralised Labour Quarters* (CLQ) yang mempunyai kemudahan asas dan kemudahan sokongan lengkap untuk keperluan penghuninya.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) juga telah mewujudkan Garis Panduan

Perancangan Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters* - TLQ) di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 yang berkuat kuasa pada 01 Januari 2024. Dalam garis panduan ini telah diperincikan syarat-syarat permohonan perancangan penginapan pekerja sementara (TLQ) di empat (4) buah zon yang utama iaitu zon kediaman strata, zon kediaman bertanah, zon perniagaan dan perindustrian di kawasan pentadbiran PBT masing-masing. Ketetapan ini membantu melancarkan proses kelulusan di peringkat PBT bagi permohonan TLQ oleh pihak majikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyasarkan pembinaan penginapan pekerja secara berpusat (CLQ) sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang bagi menyokong pertumbuhan perindustrian di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Senarai CLQ termasuk lokasi yang telah dibina dan beroperasi di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Bagi CLQ yang masih dalam cadangan atau pembinaan di MBPP adalah seperti di **LAMPIRAN C** manakala bagi MBSP di **LAMPIRAN D**.

SENARAI CENTRALISED LABOUR QUARTERS (CLQ) YANG TELAH DIBINA DAN BEROPERASI DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)

BIL	PEMAJU	LOKASI / ALAMAT
1	Tetuan Ong Han Meng	Lot 71907 (Lot lama 797), Jalan Permatang Damar Laut, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

LAMPIRAN B**SENARAI *CENTRALISED LABOUR QUARTERS* (CLQ) YANG TELAH DIBINA DAN BEROPERASI DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

BIL	PEMAJU	LOKASI / ALAMAT
1	Westlite Dormitory Sdn. Bhd.	Lot 9224, Mukim 14, Bukit Minyak, Seberang Perai Selatan
2	Tetuan Passion Paradise Sdn. Bhd.	Lot 1226, Mukim 12, Jalan Perusahaan Valdor, Seberang Perai Selatan

LAMPIRAN C**SENARAI CENTRALISED LABOUR QUARTERS (CLQ) YANG MASIH DALAM
CADANGAN ATAU PEMBINAAN DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
(MBPP)**

BIL	PEMAJU	LOKASI / ALAMAT
1	Untuk Tetuan AA Dormitory (Sungai Pinang) Sdn. Bhd.	Lot 1569 & 761, Jalan Haji Hashim Imam, Seksyen 9 W, Bandar George Town, D.T.L., Pulau Pinang.
2	Untuk Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 1859, 1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

LAMPIRAN D**SENARAI CENTRALISED LABOUR QUARTERS (CLQ) YANG MASIH DALAM CADANGAN
ATAU PEMBINAAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

Bil	PEMAJU	LOKASI / ALAMAT
1	Tetuan Delight Island Sdn. Bhd.	Pt 788-799, 813 & 814 (Lot- Lot Lama 1613, 1916, 1788 & 1925), Jalan Limbungan, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
2	Tetuan Thirupathi Properties (Juru) Sdn. Bhd.	Lot 10384, Jalan Kebun Baru, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
3	Tetuan Suling Hill Development Sdn. Bhd.	Lot 149, 150, 189, 664, 665, 668, 801, 802, 1349, 1350, 1351, 1352, 1353, 1362 Dan 10635 (Pt 66), Mukim 19, Seberang Perai Tengah.
4	Tetuan Skygate Sciences Sdn. Bhd.	Sebahagian Pt 2704 (Lot 4843), Jalan Perusahaan Maju 4, Kawasan Perindustrian Perai, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
5.	Setia Jutaria Sdn. Bhd.	Lot 1504, 1505, 1506 Dan Sebahagian Lot 1926, Mukim 6, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. (Secara Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204(D) KTN.
6	Tetuan Asas Dunia Berhad	Lot 1283, 8759, 8760, 8761, 8788 & 8789, Jalan Permatang Tinggi, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah.
7	Biopolis Resources Sdn. Bhd.	Petak 'A' Penang Science Park North Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.
8	Urban Pinnacle Sdn. Bhd.	Lot Pt 1017 (Lot Lama 393, 383, 384 Dan Sebahagian Lot 9215, 228, 33 & 9216), Jalan Perindustrian Bukit Minyak 8, Penang Science Park South, Mukim 14, Bukit Tambun, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Bil	PEMAJU	LOKASI / ALAMAT
9	Eagle Autocity Sdn. Bhd.	Lot 20150, Jalan Perusahaan Valdor, Mukim 12, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.
10	PG Lean Hwa Trading Sdn. Bhd.	Lot 1441, Mukim 12, Jalan Serunai, Kawasan Perindustrian Valdor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.
11	NH Development Sdn. Bhd.	Lot 383, Mukim 12, SPS, Pulau Pinang.
12	Tetuan Guh Realty Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 1377, 1690 Dan 1692, Mukim 12, Jalan Nafiri, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

13. Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjanjikan peruntukan RM1 juta untuk menaik taraf astaka di Taman Tun Sardon.
- (a) Bilakah projek ini akan bermula?
 - (b) Apakah persiapan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi projek penempatan semula?
 - (c) Apakah infrastruktur yang akan disediakan bagi tapak sementara ini? Senaraikan secara terperinci.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.0 juta untuk menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 5 Mac 2024. Kerja-kerja menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon dijangka bermula pada Disember 2024 dan akan mengambil masa selama tempoh 15 bulan untuk disiapkan.
- (b) Persiapan MBPP untuk penempatan semula peniaga adalah dengan menyediakan tapak untuk penempatan sementara peniaga astaka yang terletak di Tempat Letak Kereta (TLK) berhadapan Masjid At-Taqwa, Taman Tun Sardon.
 - (c) Tapak penempatan sementara astaka tersebut akan dilengkapi dengan kemudahan ruang membasuh, ruang gerai

dan ruang makan. Tapak sementara ini juga akan dilengkapi dengan tong sampah dan kawasan astaka akan dipagar di sekelilingnya untuk tujuan kawalan keselamatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

14. Pelaburan asing di Pulau Pinang tahun 2019 hingga 2024.
- (a) Senaraikan lima negara utama yang melabur di Pulau Pinang berdasarkan nilai pelaburan langsung asing (FDI) dari tahun 2019 hingga 2024, serta lima sektor utama yang menerima FDI terbesar.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Berdasarkan sumber MIDA, lima (5) negara utama yang melabur di Pulau Pinang berdasarkan nilai pelaburan langsung asing dari 2019 sehingga 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	5 NEGARA UTAMA YANG MELABUR DI PULAU PINANG	NILAI PELABURAN LANGSUNG ASING (RM JUTA)
2019	1. Amerika Syarikat	8,652.5
	2. Singapura	1,840.0
	3. United Kingdom	1,513.0
	4. Taiwan	890.1
	5. China	710.0
2020	1. Singapura	3,247.5
	2. Switzerland	2,590.8

	3. Amerika Syarikat	2,057.7
	4. Hong Kong	1,909.2
	5. Belanda	248.2
2021	1. Belanda	71,197.5
	2. China	1,279.5
	3. Singapura	1,038.0
	4. Amerika Syarikat	450.8
	5. Hong Kong	149.2
2022	1. Singapura	3,333.2
	2. Hong Kong	2,920.9
	3. Amerika Syarikat	1,561.7
	4. Ireland	650.0
	5. Switzerland	384.6
2023	1. Belanda	26,595.8
	2. Pulau Cayman	15,953.4
	3. Singapura	7,050.7
	4. Amerika Syarikat	6,663.4
	5. China	1,695.8
PERTENGAHAN 2024	1. Taiwan	2,107.9
	2. Amerika Syarikat	414.8
	3. China	411.8
	4. Singapura	363.1
	5. Norway	153.0

Lima (5) Sektor utama yang menerima nilai pelaburan langsung asing yang terbesar dari tahun 2019 sehingga pertengahan tahun 2024 adalah elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan kelengkapan, peralatan saintifik dan pengukuran, kimia dan produk kimia dan produk fabrikasi logam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

15. Apakah pelan strategik yang dirangka untuk menghadapi isu "populasi menua" di negeri ini?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk memenuhi keperluan warga emas, terutamanya dalam aspek kesihatan, infrastruktur awam dan sokongan sosial?
 - (b) Apakah inisiatif untuk memastikan kesejahteraan ekonomi warga emas serta menggalakkan penyertaan aktif mereka dalam masyarakat?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk meningkatkan kualiti hidup untuk segenap lapisan umur serta mewujudkan persekitaran yang mesra usia buat setiap individu. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia Pulau Pinang pada bulan September 2024 bagi mempersiapkan Pulau Pinang ke arah mencapai negeri mesra usia menjelang 2028. Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan *Penang Women's Development Corporation* (PWDC). Inisiatif Bandar Mesra Usia ini merangkumi lapan (8) domain yang perlu dipenuhi seperti yang digariskan oleh *World Health Organisation* (WHO). Bandar Mesra Usia adalah bertujuan untuk membangunkan sebuah bandar yang inklusif dan mudah diakses untuk semua peringkat umur terutamanya, bagi warga emas untuk menjalani kehidupan yang bermakna.

- (a) Menjelang tahun 2040, Pulau Pinang dijangka akan mengalami perubahan demografi yang besar dan diramalkan akan menjadi negeri yang menua. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah bersiap sedia dengan melaksanakan pelan tindakan di bawah Inisiatif Bandar Mesra Usia yang melibatkan lapan (8) domain seperti berikut:-
- (i) Ruang Awam dan Bangunan;
 - (ii) Sistem Pengangkutan;
 - (iii) Sistem Perumahan;
 - (iv) Penglibatan Sosial;
 - (v) Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial;
 - (vi) Penglibatan Sivik dan Peluang Pekerjaan;
 - (vii) Berkomunikasi dan Informasi; dan
 - (viii) Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan.

Antara domain yang terlibat dalam memenuhi keperluan warga emas terutamanya dalam aspek kesihatan, infrastruktur awam dan sokongan sosial adalah seperti di bawah:

Domain 1: Ruang Awam dan Bangunan

Persekitaran binaan mengutamakan keselamatan, keterangkuman, pandu arah mudah memupuk penglibatan dan penggunaan secara biasa oleh individu dari semua peringkat umur dan keupayaan. Antara pelan tindakan yang dijalankan adalah penambahbaikan dan menaik taraf pelbagai kemudahan di sekitar Pulau Pinang, termasuk taman komuniti, kompleks makanan dan minuman, tandas awam dan ruang awam dengan reka bentuk *universal* dan ciri kebolehcapaian. Antara inisiatif utama adalah pembinaan kanopi untuk ruang makan terbuka di Kompleks Medan Renong, menaik taraf bahagian dalam *Town Hall* dengan elemen mesra warga emas dan OKU seperti tandas, lif serta menaik taraf Pasar Teluk Bahang. Selain itu, laluan akses mesra warga emas dan OKU di sekitar Pulau Pinang juga akan diperbaiki dengan penambahan kemudahan

seperti bangku, lampu taman, peralatan senaman dan laluan pejalan kaki yang lebih selamat dan mudah diakses.

Domain 8: Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan

Pulau Pinang menawarkan perkhidmatan dan sokongan kesihatan yang sesuai dan mudah diakses untuk memenuhi keperluan masyarakat yang semakin berkembang sepanjang hayat mereka. Antara pelan tindakan yang dijalankan adalah Kempen Kesedaran Kesihatan melibatkan pelbagai aktiviti promosi di tempat awam dan institusi pendidikan, termasuk 550 aktiviti kesihatan persekitaran seperti kesedaran mengenai demam denggi dan kebersihan makanan, serta mempromosikan vaksinasi *anti-tifoid* kepada 2,000 pengendali makanan. Selain itu, semua lokasi Defibrillator Luaran Automatik (AED) yang dipasang oleh MBPP dimasukkan ke dalam aplikasi *Pearl One Touch Penang*, dengan setiap kawasan terbuka dan Premis Awam MBPP dilengkapi sekurang-kurangnya satu AED.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira aspek kesejahteraan ekonomi warga emas. Antara inisiatif-inisiatif yang dijalankan dengan menyediakan peluang untuk sumber pendapatan tambahan bagi warga emas adalah:
 - (i) Kontrak Perkhidmatan Komuniti kepada penduduk di projek perumahan awam dimana sekurang-kurangnya 75% peluang pekerjaan dalam bidang pembersihan dan keselamatan diberikan kepada warga emas;
 - (ii) Projek Pertanian Bandar di mana warga emas akan mengurus, memantau dan mengusahakan kebun tersebut; dan
 - (iii) Program Pembersihan Tandas Awam yang dikenal pasti di sekitar Pulau Pinang.

Selain itu, bagi menggalakkan penyertaan aktif warga emas di dalam masyarakat, antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Aktiviti yang melibatkan penyertaan warga emas seperti Program Komuniti Bersama Warga Emas, *City Walk*, *Zero Burden Bazaar* yang menyediakan pelbagai aktiviti bersama pelbagai peringkat umur termasuk warga emas; dan

- (ii) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ditubuhkan dalam usaha untuk memastikan warga emas menjalankan aktiviti dan kekal aktif di mana ruang yang selesa dan mempunyai pelbagai kemudahan disediakan. Sebanyak enam (6) buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh Negeri Pulau Pinang dan tiga (3) buah PAWE baharu dalam proses penubuhan iaitu PAWE Kepala Batas, PAWE Jelutong dan PAWE Bukit Bendera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

16. Laluan udara antarabangsa terus.
- (a) Setakat ini ada berapa laluan udara antarabangsa terus ke Pulau Pinang dan dari mana?
 - (b) Apakah cadangan laluan antarabangsa baharu yang akan diperkenalkan dalam masa terdekat?
 - (c) Adakah Kota Chengdu, China dalam perancangan Kerajaan Negeri?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Pada masa ini, Pulau Pinang mempunyai 34 laluan penerbangan terus antarabangsa ke 18 bandar antarabangsa iaitu Singapura, Bangkok, Phuket, Guangzhou, Xiamen, Hong Kong, Medan, Jakarta, Surabaya, Banda Aceh, Taipei, Ho Chi Minh City, Dubai, Shanghai, Shenzhen, Chongqing, Kunming dan Doha.
- (b) Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan secara berterusan dengan syarikat-syarikat penerbangan dan Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dalam meneroka potensi penerbangan terus baharu ke Pulau Pinang.
- (c) Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan secara berterusan dengan syarikat-syarikat penerbangan untuk membuka laluan antarabangsa ke wilayah baharu di China.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

17. Kerja penyambungan semula saluran paip di Sungai Perai dijangka menyebabkan gangguan bekalan air. Senaraikan tarikh, waktu dan informasi terperinci mengenai kerja ini serta tindakan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk menghadapi gangguan ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerja-kerja penyambungan semula saluran paip di Sungai Perai merupakan gangguan bekalan air berjadual. Buat masa ini, pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak dapat memberikan maklumat tersebut lagi. Kerja-kerja tersebut memerlukan permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) terdahulu selaku badan yang mengawal selia operator air. Setelah kelulusan diperolehi daripada pihak SPAN, PBAPP akan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan dan seterusnya membuat hebahan melalui medium yang bersesuaian kepada pengguna Pulau Pinang yang terlibat seperti laman sesawang PBAPP, facebook, media radio dan TV serta Pusat KADUN supaya pengguna yang terlibat memperolehi informasi awal dan pantas berkaitan dengan gangguan bekalan air tersebut. PBAPP akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kawasan yang terlibat semasa gangguan tersebut dengan menyediakan bantuan lori tangki air ke kawasan yang terjejas serta mengaktifkan pelan tindakan kecemasan berdasarkan SOP kerja yang terlibat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

18. Rapid.

- (a) Bagaimanakah respons penduduk terhadap perkhidmatan Rapid khususnya perkhidmatan bas?
- (b) Senaraikan jumlah penumpang (ridership) mengikut bangsa, umur dan jantina.
- (c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperluaskan perkhidmatan pengangkutan awam mesra warga emas seperti Rapid Mobiliti?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Perkhidmatan bas Rapid Penang telah menerima sambutan yang sangat positif daripada penduduk Negeri Pulau Pinang. Ini dapat dilihat melalui peningkatan purata penumpang, yang mencatatkan kenaikan daripada 38,900 sehari pada tahun 2023 kepada 44,700 sehari pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 15%. Peningkatan ini mencerminkan semakin tingginya kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan, sekaligus menunjukkan betapa pentingnya dan relevannya perkhidmatan pengangkutan awam ini dalam memenuhi keperluan harian penduduk Negeri Pulau Pinang.
- (b) Purata jumlah penumpang harian Rapid Penang sehingga Oktober 2024 dicatatkan sebanyak 44,700 orang. Namun begitu, memandangkan penggunaan sistem pembayaran tunai masih berlaku di dalam bas, data demografi penumpang seperti bangsa, umur, dan jantina tidak dapat dikumpulkan

sepenuhnya pada masa ini. Pihak Rapid Penang sedang dalam usaha untuk mempertingkatkan pengumpulan data melalui pengenalan sistem pembayaran elektronik yang lebih moden dan efisien, yang dijangka akan membolehkan memperoleh maklumat yang lebih lengkap di masa hadapan.

- (c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperluaskan perkhidmatan pengangkutan awam mesra warga emas seperti Rapid Mobiliti adalah dengan menyediakan bas yang mempunyai fasiliti '*low-floor*', di mana bas direndahkan semasa berhenti di perhentian bagi memudahkan warga emas dan penumpang kurang upaya untuk menaiki atau turun dari bas dengan mudah.

Satu lagi inisiatif yang sangat diberi perhatian adalah perkhidmatan Rapid Mobiliti, yang merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui Syarikat Prasarana Malaysia Berhad yang berperanan untuk meningkatkan "*point-to-point*" akses terutamanya kepada warga berkerusi roda. Van Rapid Mobiliti dilengkapi dengan lift hidraulik, membolehkan warga berkerusi roda menikmati kemudahan "pintu ke pintu" tanpa perlu meninggalkan kerusi roda mereka, sekaligus meningkatkan kemudahan pengangkutan awam untuk golongan ini.

Pada masa kini, terdapat 2-unit Rapid Mobiliti baharu yang beroperasi di kawasan Pulau dan menjelang tahun 2025, jumlah van ini akan ditambah menjadi 4 unit di pulau. Di samping itu, perkhidmatan ini akan diperluaskan ke kawasan Seberang Jaya dalam fasa ketiga, dengan pembelian van baharu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

19. Isu haiwan terbiar dan terabai.

- (a) Setakat ini, berapakah jumlah anjing liar yang telah dimandulkan di bawah projek *Trap-Neuter-Release* (TNR)? Senaraikan bilangan mengikut tahun pelaksanaan program.
- (b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) terhadap isu penderaan haiwan dan pembuangan haiwan peliharaan (pet abandonment)?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. (a) Program *Trap, Neuter and Release/Rehome-Community Engagement* (TNR-CE) telah mula dilaksanakan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada tahun 2018 manakala, di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, program ini mula dilaksanakan pada tahun 2023. Program ini merupakan satu kawalan populasi haiwan terbiar yang bersandarkan pemandulan sebagai teras dan pemacu utama projek. Senarai bilangan anjing liar dan terbiar yang telah dimandulkan mengikut tahun pelaksanaan program adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN EKOR	
	MBPP	MBSP
2018	599	-
2019	732	-
2020	973	-
2021	989	-

TAHUN	BILANGAN EKOR	
	MBPP	MBSP
2022	1,363	-
2023	1,279	166
2024	1,029	200
Jumlah	6,964	366

- (b) Sehingga 31 Oktober 2024, sebanyak 253 aduan berkaitan kebajikan haiwan, pengabaian, penganiayaan dan kezaliman ke atas haiwan telah diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Siasatan akan dilaksanakan ke atas semua aduan yang diterima. Sekiranya aduan tersebut boleh ditambah baik, khidmat nasihat dan Notis Penambahbaikan akan diberikan kepada pemilik. Lawatan susulan juga akan dilaksanakan.

Bagi aduan yang berkaitan penganiayaan dan kezaliman seperti penderaan, pendakwaan akan dilaksanakan setelah bukti yang diperolehi adalah mencukupi. JPV akan mengambil milik barang kes termasuklah haiwan hidup atau bangkai dan barang berkaitan dengan kejadian tersebut. Laporan pemeriksaan di lapangan kemudiannya akan diserahkan kepada Pegawai Penyiasat JPV untuk siasatan lanjut sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) sama ada kes tersebut boleh didakwa atau diklasifikasikan kepada *No Further Action* (NFA).

Bagi kes pembuangan haiwan peliharaan pula, Seksyen 29(1)(p), Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] memperuntukkan bahawa sekiranya perbuatan meninggalkan mana-mana haiwan dalam keadaan yang boleh menyebabkan haiwan itu mengalami trauma, kesakitan atau penderitaan atas sebab penempatan semula, kebuluran, dahaga, kecederaan, atau penyakit, maka, siasatan dan pendakwaan akan dijalankan kepada pemilik haiwan peliharaan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

20. Eksploitasi kanak-kanak oleh Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH).
- (a) Isu eksploitasi kanak-kanak oleh GISBH amat mengejutkan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri mengenai urusan GISBH di Pulau Pinang?
 - (b) Senaraikan nama dan jenis perniagaan GISBH di Pulau Pinang.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. (a) Urusan perniagaan melibatkan GISBH di kawasan Seberang Perai telah diambil tindakan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan di atas kesalahan mendatangkan kegusaran dan keselamatan kepada orang awam;
 - (ii) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan bagi perniagaan yang dijalankan tanpa lesen;
 - (iii) Menjalankan tindakan sitaan premis perniagaan; dan
 - (iv) Mengeluarkan Notis Tawaran Kompaun di atas kesalahan melanggar syarat-syarat pelesenan bagi kesalahan seperti berikut:

- (1) Tidak menyelenggara perangkap minyak;
- (2) Meletakkan barang perniagaan di atas siar kaki/ tempat awam;
- (3) Menyembelih / memproses ayam / ikan di dalam premis perniagaan; dan
- (4) Gagal mempamerkan lesen perniagaan.

Manakala peranan bagi urusan melibatkan ideologi dan kefahaman oleh ahli GISBH adalah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). Kerajaan Negeri melalui pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan JHEAIPP telah terlibat dalam sebuah Program Rehabilitasi Ahli GISBH di bawah seliaan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Peringkat awal program ini dimulai dengan pendaftaran secara sukarela ahli GISBH seluruh negara termasuk Pulau Pinang bermula pada 14 Oktober 2024 sehingga 14 November 2024. Program rehabilitasi ini dilaksanakan selama 90 hari dilokasi yang telah ditetapkan oleh pihak MKN. Bagi negeri Pulau Pinang, program ini akan dilaksanakan di Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Selain itu, JHEAIPP juga telah menyediakan tenaga pengajar Guru Agama (*Takmir*) bagi sesi kelas agama di pusat perlindungan ahli GISBH bagi kanak-kanak berusia 3 hingga 17 tahun dimana kelas agama tersebut masih dilaksanakan sehingga ke hari ini.

- (b) Senarai nama dan jenis perniagaan GISBH di Pulau Pinang yang dikenalpasti adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA DAN JENIS PERNIAGAAN GISBH DI PULAU PINANG

BIL.	NAMA PERNIAGAAN	AKTIVITI PERNIAGAAN
1	Rumah Jagaan Harapan Ai Mahabbah	Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Ternakan Haiwan Veterinar (Ayam, Kambing, Itik, Angsa dan Burung Puyuh)
2	Rumah Jagaan Harapan Ai Mahabbah	Pusat Jagaan Kanak-Kanak
3	Restoran Nasi Ayam Ikhwan	Restoran
4	Kedai Kek dan Roti Ikhwan	Kedai Kek & Roti
5	Citarasa Ikhwan Enterprise	Restoran
6	Ikhwan BP Mart	Kedai Runcit
7	Nursery Ummu Khadijah	Taska
8	Pusat Jagaan Permata Kasih Taman Seri Mengkuang	Pusat Jagaan Kanak-Kanak
9	Pusat Jagaan Permata kasih	Pusat Jagaan Kanak-Kanak
10	Ikhwan food Industries	Makanan (Bebola Ikan)
11	Cahaya NM Sdn Bhd	Kilang Proses Ayam
12	Ikhwan Mart (RPU Tok Embun Enterprise)	Kedai Runcit
13	Ikhwan Bakery LY Enterprise	Kedai Roti
14	GISB Travels & Tour (RPU Tok Embun Enterprise)	Pejabat Agensi Pelancongan
15	Restoran Ikhwan Seafood	Restoran
16	Pasaraya Mini Era Ikhwan	Pasaraya
17	Ikhwan Café	Kafe

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

21. Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Grace Harmoni oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).
- (a) Nyatakan kemajuan proses tawaran projek ini dan berapakah jumlah unit ditawarkan dan telah dijual?
 - (b) Apakah kemajuan projek ini dan bilakah projek ini dijangka siap?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Projek Pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) Grace Harmony di atas tanah milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), PT 113, PT 114 dan PT 116, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut melibatkan pembinaan sebanyak 310 unit RMM B dan 444 unit RMM C3. Pemaju bagi projek Pembangunan ini adalah Nova Land Development Sdn. Bhd., manakala Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bertindak sebagai Pengurus Projek.
- (a) Berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang dan CMI, kemajuan proses tawaran unit RMM Grace Harmony pada masa ini adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Skim Rumah	Jumlah Unit Keseluruhan	Jumlah Tawaran	Unit Terjual	Baki Unit
RMM B	310	218	209	101
RMM C3	444	408	248	196

Daripada jumlah baki 101 unit bagi RMM B adalah merangkumi 92 unit yang diperuntukkan kepada setingan.

- (b) Berdasarkan Laporan Kemajuan Projek bertarikh 30 Oktober 2024, kerja-kerja cerucuk (*piling works*), kerja-kerja penggalian penutup cerucuk (*pile caps excavation works*) dan kerja-kerja konkrit penutup cerucuk (*pile caps concreting works*) telah mencapai kemajuan 100% siap. Projek ini dijangka siap sepenuhnya dan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*) pada suku kedua tahun 2027.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

22. Pelaburan asing dari Amerika Syarikat, China dan negara lain dialu-alukan, namun ada keluhan bahawa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan terjejas.
- (a) Apakah tindakan kerajaan untuk menjaga syarikat tempatan agar tidak terganggu dengan syarikat asing?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pelaburan asing ini memberi manfaat kepada perniagaan tempatan dalam rangkaian bekalan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk melindungi dan menyokong syarikat tempatan agar dapat bersaing dalam pasaran, terutama dengan kehadiran syarikat asing. Beberapa program utama yang dilaksanakan meliputi:
- (i) Pusat Penasihat Pasaran, Sumber, Latihan IKS (S.M.A.R.T Centre) yang menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat tempatan yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan. Khidmat ini merangkumi panduan berkaitan maklumat perniagaan, permohonan lesen, dan insentif-insentif yang disediakan.
 - (ii) Pusat SME (SME Centre) yang menawarkan ruang operasi bersubsidi bagi syarikat tempatan, lengkap dengan kemudahan seperti bilik mesyuarat, ruang utiliti,

dan bilik pantri untuk membantu mengurangkan beban kos operasi.

- (iii) Penang Internship Subsidy Programme (PISP) yang menawarkan subsidi bulanan kepada pelatih yang direkrut oleh syarikat tempatan, merangkumi elaun dan penginapan, dalam usaha menyokong keperluan tenaga kerja yang semakin meningkat.
- (iv) SME Directory yang memberi keutamaan kepada syarikat tempatan yang berdaftar dalam direktori atas talian ini apabila InvestPenang menerima pertanyaan mengenai penyumberan tempatan. Inisiatif ini bertujuan memperluaskan jaringan perniagaan serta meningkatkan peluang kerjasama antara syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa.
- (v) Program dan Seminar yang meliputi pelbagai inisiatif untuk meningkatkan keupayaan usahawan tempatan dalam aspek jualan, pemasaran, kewangan, dan digitalisasi. Ini termasuk program pepadanan perniagaan antara pelabur asing dan usahawan tempatan serta sesi bersama pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan dengan perolehan dan insentif.
- (vi) Ruang Penyelidikan dan Inkubasi Silikon di GBS TechSpace yang menyokong syarikat permulaan dalam reka bentuk cip melalui penyediaan ruang berkongsi, kemudahan makmal, dan keupayaan penyelidikan dengan subsidi hingga 100 peratus bagi ruang sewa pejabat serta penggunaan peralatan.
- (vii) Akademi Reka Cip Pulau Pinang di PSDC yang menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran graduan dan jurutera dalam reka bentuk cip, sejajar dengan keperluan industri teknologi tinggi yang terus berkembang.

Di samping itu, kerajaan negeri menerusi agensi seperti Penang Green Council (PGC) turut memperkenalkan Program Industri Hijau Pulau Pinang yang berfokus kepada peralihan PKS kepada amalan perniagaan mampan. Inisiatif di bawah program ini merangkumi:

- (i) Sesi Perbincangan Meja Bulat ESG bagi membantu PKS dan GLC dalam pematuhan kelestarian;
- (ii) Persidangan Kewangan Hijau Pulau Pinang untuk meningkatkan pemahaman berkaitan kewangan hijau dan membincangkan peluang pembiayaan mampan;
- (iii) Program Peningkatan Kapasiti ESG yang memberi panduan dan bantuan dalam menyediakan laporan ESG mengikut permintaan pasaran; dan
- (iv) Persidangan dan Pameran Antarabangsa PGIGCE 2024 yang menyediakan platform untuk perkongsian pengetahuan dalam teknologi hijau dan penyelesaian Net Zero Carbon, dengan harapan menggalakkan kerjasama ke arah masa depan mampan bagi Pulau Pinang.

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam menyokong ekosistem perniagaan tempatan yang lestari serta memastikan syarikat tempatan terus kukuh dan berdaya saing, seiring dengan perkembangan dan keperluan masa kini.

- (b) Untuk memastikan pelaburan asing membawa manfaat langsung kepada perniagaan tempatan dalam rantai bekalan, Kerajaan Negeri menggalakkan penglibatan perniagaan tempatan dalam projek-projek besar yang dijalankan oleh pelabur asing. Syarikat-syarikat besar seperti Intel dan Micron yang melabur di Pulau Pinang sering menawarkan kontrak atau subkontrak kepada pembekal tempatan bagi memenuhi keperluan mereka. Langkah ini bukan sahaja membuka peluang perniagaan yang luas kepada PKS tempatan tetapi juga mempercepatkan perkembangan mereka.

Kerajaan juga menggalakkan kerjasama atau 'Joint Venture' antara syarikat asing dan tempatan. Agensi seperti MIDA dan InvestPenang memainkan peranan penting dalam memudahkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada perniagaan tempatan, khususnya PKS. Langkah ini membolehkan PKS tempatan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan agar dapat mencapai piawaian antarabangsa. Contoh kejayaan kerjasama ini termasuklah hubungan strategik

antara YBS International Berhad dengan Enovix Malaysia Sdn. Bhd., TT Vision Technologies Sdn. Bhd. dengan Autowel Singapore Pte. Ltd., serta B&E Hongkong Limited dengan MTS Manufacturing Sdn. Bhd. Kerjasama ini membuktikan bahawa keupayaan rantai bekalan tempatan bukan sahaja memenuhi standard antarabangsa, malah bersaing di arena global.

InvestPenang turut menumpukan kepada pembangunan ekosistem perniagaan yang kukuh melalui pemupukan sumber manusia berkemahiran tinggi, kos operasi yang berdaya saing, dan kemudahan perniagaan yang mantap. Mereka aktif menarik pelaburan berkualiti dan membuka peluang pekerjaan, terutamanya dalam sektor ekonomi digital. Salah satu inisiatif yang dicadangkan ialah menaik taraf bangunan pejabat sedia ada kepada bangunan pejabat gred A atau bertaraf MD untuk menarik pelabur-pelabur 'Global Business Services (GBS)'. Inisiatif ini termasuk pengecualian cukai sementara, rangkaian internet berkelajuan tinggi, serta lokasi pejabat yang strategik. Industri GBS mempunyai potensi pertumbuhan yang besar dan memerlukan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk berkembang.

Di samping itu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah membina sebuah bangunan pejabat baharu dua tingkat yang dinamakan GBS TechSpace seluas 60,000 kaki persegi bagi menampung keperluan industri GBS. Bangunan ini kini disewakan kepada syarikat multinasional, dengan sebahagiannya dijadikan ruang inkubasi bagi syarikat permulaan tempatan ('start-up') dan PKS dalam sektor reka bentuk cip.

Bersama dengan MDEC, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), dan kumpulan fokus GBS Pulau Pinang, InvestPenang akan melancarkan Akademi Industri GBS Pulau Pinang. Akademi ini menawarkan program latihan kemahiran untuk bakat tempatan dalam industri ekonomi digital, dengan matlamat membina ekosistem 'talent pipeline' dan menjadikan Malaysia serta Pulau Pinang sebagai hab ekonomi digital pilihan di rantau ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

23. Apakah pencapaian Sambutan Hari Warisan George Town dan Festival George Town tahun 2024 dari segi:
- (a) Jumlah kehadiran pengunjung tempatan dan antarabangsa.
 - (b) Impak ekonomi kepada sektor pelancongan dan perniagaan tempatan.
 - (c) Penambahbaikan untuk sambutan tahun berikutnya.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Sambutan Hari Warisan George Town atau *George Town Heritage Celebration* (GTHC) sempena Ulang Tahun Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town ke-16 telah berlangsung pada 7 Julai 2024.

George Town Festival 2024 (GTF 2024) pula telah berlangsung dari 18 hingga 29 Julai 2024 dengan jayanya.

- (a) GTHC telah berjaya menarik seramai 18,000 pengunjung tempatan dan luar negara, manakala GTF 2024 telah berjaya menarik lebih daripada 100,000 pengunjung tempatan dan luar negara.
- (b) GTHC telah berjaya menarik ramai pengunjung dan meningkatkan permintaan untuk hotel, restoran serta tarikan tempatan. Kemasukan pengunjung ini membawa kepada kadar penginapan yang lebih tinggi dan memberi limpahan ekonomi kepada sektor makanan, pengangkutan, *guided tours*

dan perkhidmatan hospitaliti lain. Perkara ini secara tidak langsung memberi impak positif kepada sektor pelancongan negeri. Perayaan ini menonjolkan seni dan kraf tradisional di samping memberi peluang unik kepada pengamal tradisi dan perniagaan kecil untuk mempamerkan serta menjual produk mereka. Peniaga tempatan, terutamanya mereka yang menawarkan barangan dan perkhidmatan kebudayaan asli dapat menikmati peningkatan pendedahan dan jualan sepanjang sambutan.

George Town Festival (GTF) 2024 pula telah berjaya menganjurkan banyak program di pelbagai lokasi di Pulau Pinang. Program-program ini secara langsung telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan perniagaan tempatan, manakala artis dan pengunjung luar negeri yang terlibat dalam GTF 2024 telah menginap di hotel di Pulau Pinang dan ini telah menyumbang pendapatan kepada sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang. GTF 2024 ini telah menonjolkan sebanyak 80 program kesenian dan kebudayaan yang menampilkan teater, boneka, muzik, tarian, komedi, forum, bengkel, seni visual dan filem. Hasil dari GTF 2024 ini termasuk anggaran penerimaan nilai perhubungan awam (Public Relations Value) sekitar RM8.5 juta dari April hingga Ogos 2024 untuk Negeri Pulau Pinang.

- (c) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) akan meneruskan kerjasama dengan komuniti dan masyarakat tempatan bagi penganjuran GTHC 2025 untuk mewujudkan identiti George Town yang mampu memperkukuh kebersamaan dan solidariti sosial dalam kalangan komuniti.

Proses *Request for Proposal* untuk GTF 2025 sedang giat dijalankan oleh GTWHI. Proses ini bertujuan untuk mencari kontraktor berkeelayakan yang mampu memberi nafas dan idea baharu untuk penganjuran GTF 2025. Di samping itu, antara salah satu penambahbaikan KPI untuk kontraktor baharu adalah untuk memaparkan 30 program yang berkualiti tinggi sepanjang GTF 2025 berlangsung.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

24. Masalah paip pecah yang kerap berlaku telah menjejaskan kehidupan penduduk. Apakah pelan dan perancangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk menggantikan paip-paip usang secara berperingkat?
- (a) Adakah pelan holistik disediakan bagi memastikan penambahbaikan isu ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. PBAPP telah mensasarkan sebanyak **84 projek** akan dilaksanakan pada tahun 2025 sehingga 2027 di bawah 15 pakej yang akan melibatkan anggaran kos sebanyak **RM155 juta**.
- (a) PBAPP telah menyediakan pelan holistik bagi memastikan penambahbaikan isu ini melalui penggantian paip-paip usang yang akan dijalankan secara berperingkat dan berterusan. PBAPP telah mengenal pasti anggaran melebihi **1200 km** paip air jenis Simen Asbestos (AC) perlu diganti dengan unjuran kos penggantian sebanyak **RM1.8 bilion**. Jumlah tersebut amat tinggi dan pihak PBAPP tidak mampu untuk melabur keseluruhan kos tersebut secara serentak demi menurunkan peratusan NRW Pulau Pinang. Namun penggantian paip AC ini akan dijalankan secara berperingkat mengikut keutamaan dan tahap keseriusan kawasan yang terlibat. Pada masa yang sama, PBAPP juga akan menjalankan usaha-usaha untuk mengurangkan masalah paip pecah melalui pengurusan tekanan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sejajar dengan program NRW.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

25. Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H).
- (a) Berapakah agensi tempatan yang terlibat dalam program MM2H di Pulau Pinang?
 - (b) Senaraikan jumlah pembeli rumah dan warga asing (expat) yang menetap di Pulau Pinang melalui Program MM2H sejak tahun 2019 serta negara asal mereka.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Jumlah agensi/syarikat yang terlibat dengan Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) di Pulau Pinang adalah sebanyak 26 syarikat.
- (b) Senarai jumlah pembeli rumah dan warga asing yang menetap di Pulau Pinang melalui Program MM2H sehingga tahun 2023 adalah tidak direkodkan. Ini adalah kerana Garis Panduan Program MM2H yang lama tidak mensyaratkan peserta Program MM2H untuk membuat pembelian rumah dan merekodkan lokasi penempatan mereka di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, garis panduan Program MM2H yang baharu pada tahun 2024 telah ditambahbaik dengan mewajibkan peserta Program MM2H untuk membeli dan memiliki rumah. Berdasarkan syarat wajib ini, rekod jumlah pembeli rumah dapat diperolehi untuk rujukan pada masa akan datang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

26. Negeri mesra berbasikal dan pejalan kaki.
- (a) Berapakah jarak laluan basikal khas yang sedia ada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?
 - (b) Apakah hala tuju dan perancangan kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang terus mesra berbasikal dan pejalan kaki?
 - (c) Adakah terdapat pelan untuk mewujudkan *covered linkway* laluan atau jalan berbumbung di Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Jarak laluan basikal khas yang sedia ada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sepanjang 45 kilometer. Senarai lokasi laluan basikal khas adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI LALUAN BASIKAL	JARAK (KM)
1.	Rizab Sungai Dondang bermula dari SJKC Chiao Nan sehingga Kampung Shaik Madar	1.2
2.	Jalan Gurdwara (Pasar Raya GAMA) sehingga Persiaran Karpal Singh	3.3

3.	Persiaran Karpal Singh sehingga bawah Jambatan Kedua Pulau Pinang (Jalan Pesisiran Pantai)	19.1
4.	Jambatan Harapan (Spiral Bridge) sehingga Jalan Mahsuri (Olive Tree Hotel)/Persiaran Mahsuri (D'Piazza)/Rizab Sungai Keluang	6.4
5.	Jalan Kampung Jawa sehingga Lebuhraya Kampung Jawa	2.5
6.	Padang Kota sehingga Tanjung Tokong (Jalan Pesisiran Pantai Utara)	10.0
7.	Tanjung Tokong (Lotus) sehingga Tanjung Bungah (Flamingo Hotel)	2.5
	JUMLAH	45.0

- (b) Kerajaan Negeri melalui MBPP akan terus memperluas rangkaian laluan basikal dan laluan pejalan kaki untuk kemudahan, keselesaan dan keselamatan penunggang basikal dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan basikal yang mesra alam dan sihat. Hala tuju dan perancangan kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang terus mesra berbasikal dan pejalan kaki adalah seperti berikut:
- (i) Mensyaratkan kepada pemaju melalui projek-projek pemajuan baharu untuk menyediakan laluan basikal yang mempunyai rizab jalan melebihi 50 kaki dan tempat letak basikal;
 - (ii) Menaik taraf dan membina laluan basikal baharu pada masa hadapan termasuk menambah baik laluan basikal sedia ada di bahagian pulau, Pulau Pinang. MBPP telah merangka pelan laluan basikal di kawasan Bayan Baru. Laluan basikal yang dirancang untuk disediakan di kawasan Bayan Baru ini adalah sepanjang 10 kilometer dan melibatkan rizab Sungai Keluang, Jalan Tengah, Persiaran Mahsuri, Jalan Mayang Pasir, Jalan Mahsuri dan Jalan Sultan Azlan Shah untuk menghubungkan kawasan perumahan dengan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas;

- (iii) Menyediakan kemudahan seperti tempat rehat untuk penunggang basikal dan rak-rak untuk meletak basikal juga telah disediakan dan dirancang untuk diperluaskan tempat-tempat tumpuan penunggang basikal. Tempat rehat untuk penunggang basikal juga telah siap dibina oleh MBPP pada tahun 2020 di Jalan Tanjong Bungah berhampiran dengan *Penang Swimming Club* (PSC) untuk memberi kemudahan kepada penunggang basikal berhenti berehat dan melihat pemandangan laut di kawasan tersebut;
- (iv) Menyediakan inisiatif kemudahan untuk menyediakan kemudahan menyewa basikal di kawasan pulau, Pulau Pinang termasuk di pusat bandar George Town. Antara kemudahan yang disediakan oleh MBPP adalah penyewaan basikal-basikal di stesen-stesen perkongsian basikal dalam kawasan George Town yang dikenali sebagai *Link Bike*. Pada masa ini, sebanyak 29 buah stesen *link bike* dengan 250 buah basikal sewa telah disediakan oleh MBPP. Untuk rancangan masa hadapan, MBPP sedang merancang untuk memanggil satu *Request For Proposal* (RFP) untuk penyediaan kemudahan sewaan basikal elektrik di seluruh kawasan pulau, Pulau Pinang. RFP ini akan diiklankan pada hujung bulan November 2024 dan ditutup pada bulan Februari 2025;
- (v) Mengadakan program-program penggalakkan penggunaan basikal bersama organisasi-organisasi bukan kerajaan dan persatuan-persatuan untuk mempromosikan aktiviti penggunaan basikal. Antara kempen berbasikal yang diadakan setiap minggu pada hari Jumaat adalah program *Bike on Friday* (BoF);
- (vi) Memberi dan menyediakan insentif yang diberi nama *Green Mileage* kepada kakitangan MBPP yang menggunakan basikal untuk ke tempat kerja. Bayaran sebanyak RM1.00 per kilometer atau maksimum RM300 sebulan boleh dituntut oleh kakitangan MBPP. Tujuan kempen ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai kakitangan MBPP menggunakan basikal sebagai mod pengangkutan ke tempat kerja;

- (vii) Bekerjasama dengan Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. untuk membolehkan pengguna basikal dengan *foldable bikes* serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU) menaiki bas Rapid. Setakat ini, lebih kurang 200 buah bas Rapid Penang dengan laluan yang merangkumi keseluruhan kawasan di bahagian pulau dan Seberang Perai telah menyediakan ruang untuk meletak *foldable bikes*; dan
 - (viii) Seterusnya, bagi menjadikan Pulau Pinang terus mesra pejalan kaki, MBPP komited dalam menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki di dalam kawasan bandar raya sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pada masa yang sama memberi sumbangan kepada usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai *Low Carbon City*. MBPP akan memastikan semua laluan pejalan kaki awam adalah mematuhi reka bentuk sejagat (*universal design*) dan menetapi MS1184 (*Universal Design And Accessibility In The Built Environment - Code Of Practice*).
- (c) MBPP juga mempunyai pelan dan perancangan untuk mewujudkan *covered linkway* atau laluan pejalan kaki berbumbung di Pulau Pinang dengan menyediakan peruntukan pada tahun 2025 untuk menjalankan projek rintis laluan pejalan kaki berbumbung di Jalan Utama, George Town yang akan menghubungkan perhentian bas ke Hospital Pulau Pinang. Selain dari itu, MBPP juga telah mengenakan syarat kepada pihak pemaju yang membangunkan pemajuan baharu untuk membina bumbung di laluan pejalan kaki dari tapak pembangunan ke pondok bas yang terdekat. MBPP kini sedang dalam proses menyediakan satu garis panduan penyediaan bumbung di laluan pejalan kaki untuk pemajuan baharu tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

27. Penyelenggaraan pokok oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- (a) Berapakah jumlah pokok yang berada di bawah seliaan MBPP?
 - (b) Apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan risiko pokok tumbang?
 - (c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh MBPP sekiranya tuan tanah gagal mengambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan selepas notis dikeluarkan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Dianggarkan jumlah pokok yang berada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 369,632 batang pokok.
- (b) MBPP sentiasa menjalankan langkah-langkah penyelenggaraan pokok bagi mengurangkan risiko pokok tumbang selama ini. Disebabkan oleh perubahan iklim, MBPP akan memperluas lagi kawasan Kerja-kerja Melaksana Penilaian Risiko Pokok (*Tree Risk Assessment*) dan penyelenggaraan pokok di 12 jalan utama yang terdiri daripada Jalan Resideni, Jalan York, Jalan Scotland, Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Pangkor, Jalan Anson, Masjid Kapitan Keling, Lebuhraya Maktab, Jalan Batu Gantung, Jalan Gottlieb,

Jalan Masjid Negeri dan Jalan Midland dengan membuat penilaian tahap ke-3 bagi pokok-pokok berusia dan matang mengikut praktis arborikultur bagi mengurangkan kes kejadian pokok tumbang bermula tahun 2025.

MBPP juga menyediakan peruntukan kewangan sejumlah RM1.1 juta untuk melaksanakan kerja-kerja inventori pokok dengan menggunakan teknologi *light* dan radar (LiDAR) yang boleh menganalisis maklumat inventori pokok melalui 4D '*Digital Twin*' bagi seluruh kawasan pentadbiran MBPP. Ini adalah selaras dengan matlamat MBPP untuk pengurusan Bandar Pintar menggunakan penyelesaian teknologi bagi meningkatkan kecekapan pengurusan, penyelenggaraan dan keselamatan pokok-pokok di bawah seliaan MBPP.

Selain itu, MBPP juga akan menggunakan teknologi satelit untuk mengesan tahap kesihatan pokok-pokok dalam memacu agenda hijau melalui penyediaan peruntukan berjumlah RM1.0 juta bagi membuat imbasan kesihatan pokok untuk memberi amaran awal kesihatan pokok-pokok di bawah seliaan MBPP terutamanya di kawasan bandar.

- (c) Notis Kacau Ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] akan dikeluarkan kepada tuan tanah dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sekiranya tuan tanah gagal mengambil tindakan dalam tempoh yang telah ditetapkan, MBPP akan mengambil tindakan dengan menggunakan kontraktor lantikan Majlis dan akan menuntut jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi kerja-kerja tersebut kepada tuan tanah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

28. Projek menaik taraf Muzium Negeri Pulau Pinang.
- (a) Apakah status projek menaik taraf muzium negeri?
 - (b) Bilakah projek ini dapat disiapkan?
 - (c) Apakah tarikan utama muzium ini berbanding muzium lain?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Projek naik taraf muzium negeri di Lebuhraya Farquhar kini dalam fasa pelaksanaan kerja reka bentuk hiasan dalaman di tapak.
- (b) Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2025.
- (c) Muzium Negeri Pulau Pinang bakal diberi nafas baharu dengan memaparkan pameran yang berkonsepkan sejarah, warisan dan kebudayaan Negeri Pulau Pinang. Selain mempamerkan koleksi muzium, pengubahsuaian muzium ini juga akan menerapkan unsur '*edutainment*' dan '*classroom concept*' dengan gabungan teknologi digital. Manakala laman perkarangan muzium ini memaparkan tapak ekskavasi yang mempamerkan struktur tapak arkeologi sayap kanan bangunan yang telah dibom semasa Perang Dunia Ke II.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(VI)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

29. Nyatakan jumlah bandar kembar dan bandar persahabatan bagi Pulau Pinang serta butiran mengenai jenis interaksi dan pertukaran yang berlaku antara bandar-bandar tersebut.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Maklumat bandar kembar dan bandar persahabatan bagi Pulau Pinang serta butiran mengenai jenis interaksi dan pertukaran yang berlaku antara bandar-bandar tersebut adalah seperti berikut:
- (a) Kerajaan Negeri menjalin hubungan persahabatan Negeri Province dengan Kerajaan Province Hainan di China. Kerajaan Negeri telah menyertai aktiviti jemputan Kerajaan Province Hainan serta mengadakan lawatan kedua-dua pihak;
 - (b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Bandar George Town mempunyai tiga (3) bandar kembar dan lapan (8) bandar persahabatan seperti butiran di **Lampiran A**; dan
 - (c) Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Bandar Seberang Perai mempunyai satu (1) bandar kembar iaitu City of Fremantle, Australia dan tiga (3) bandar persahabatan iaitu Gwangju Metropolitan City, Republic of Korea, City of Yokohama, Jepun dan City of Seoul, Korea. Jenis interaksi dan pertukaran yang berlaku di antara bandar-bandar ini ialah:
 - (i) Menjemput bandar kembar dan bandar persahabatan menghadiri program-program peringkat antarabangsa yang diadakan di Seberang Perai seperti *Butterworth*

Fringe Festival dan Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts; dan

- (ii) Menerima dan menghadiri jemputan dari bandar kembar dan bandar persahabatan ke program-program yang dianjurkan di bandar-bandar tersebut.

LAMPIRAN A

Bil.	Bandar & Negara	Tarikh Tandatanganan Perjanjian	Jenis Hubungan	Program Interaksi dan Pertukaran
1.	Adelaide, Australia	8 Disember 1973	Bandar Kembar	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Penang Week in Adelaide</i> - Lawatan Rasmi Minggu Adelaide - Kunjungan rasmi delegasi Majlis Bandaraya Pulau Pinang ke Adelaide - Lawatan Datuk Bandar Adelaide ke George Town - Penganjuran Bersama <i>Penang South Australia SEA Business Programme</i> - Penganjuran Bersama <i>South Australia Delegation Trade Mission to Penang</i> - Kunjungan rasmi Encik Grahams Inns (bekas Datuk Bandar Adelaide) ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang - Penganjuran <i>ASEAN Australia Education Dialogue</i> - Promosi pelancongan dan produk Pulau Pinang di Adelaide
2.	Medan, Indonesia	10 Oktober 1984	Bandar Kembar	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Sister City Trade Fair di Medan</i> - Penerbangan terus antara kedua-dua bandar - Program pertukaran pelajar - Program pertukaran pegawai, lawatan sambil belajar Pulau Pinang ke Medan - Pertandingan persahabatan untuk acara sukan - Promosi kebudayaan, dan pelancongan di

Bil.	Bandar & Negara	Tarikh Tandatangani Perjanjian	Jenis Hubungan	Program Interaksi dan Pertukaran
				Pulau Pinang dan Malaysia - Kunjungan rasmi dan lawatan rasmi antara kedua bandar
3.	Xiamen, China	10 November 1993	Bandar Kembar	<ul style="list-style-type: none"> - Lawatan rasmi antara kedua-dua bandar - Penerbangan terus antara kedua-dua bandar - Jemputan dan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan dan pendidikan seperti <i>Xiamen International Marathon, Penang International Dragon Boat Regatta</i> - Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menghadiri <i>China (Xiamen) International Leisure Tourism Expo di Xiamen</i> - Delegasi Pulau Pinang yang diketuai oleh Ketua Menteri menghadiri <i>China International Fair for Trade & Investment</i> - Menyertai <i>Sister Cities' Photo Exhibition in Xiamen</i>
4.	Taipei, Taiwan.	28 Mac 2011	Bandar Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> - Penerbangan terus antara kedua-dua bandar. - Promosi pelancongan dan produk Pulau Pinang di Taipei - <i>4 day 3 night FAM Tour Taiwan Travel Agents di Pulau Pinang</i> - Penyertaan <i>International Dragon Boat Competition Taipei dan Penang International Dragon Boat Regatta</i>

Bil.	Bandar & Negara	Tarikh Tandatanganan Perjanjian	Jenis Hubungan	Program Interaksi dan Pertukaran
				- Lawatan MBPP ke Taipei untuk mempelajari kaedah penyediaan lorong basikal
5.	Kaohsiung, Taiwan	29 Mac 2011	Bandar Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> - Perkongsian perdagangan dan pengurusan bandar - Lawatan rasmi Kaohsiung ke Pulau Pinang - Hubungan persahabatan antara kedua-dua bandar dan perkongsian maklumat di platform <i>Tourism Promotion Organisation</i>
6.	Bangkok, Thailand	5 April 2012	Bandar Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> - Penerbangan terus antara kedua-dua bandar. - Perkongsian maklumat dan amalan terbaik antara kedua bandar - Penyertaan yang aktif dan perkongsian maklumat serta Kerjasama antara kedua bandar di platform <i>IMT-GT Green Cities Mayor Council</i> - Perkongsian perdagangan dan pengurusan bandar - Promosi pelancongan kedua bandar di platform <i>Tourism Promotion Organisation</i>
7.	Zhongshan, China	13 Ogos 2012	Bandar Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> - Perkongsian maklumat dan amalan terbaik antara kedua bandar - Promosi pelancongan antara kedua-dua bandar
8.	Yogyakarta, Indonesia	12 November 2012	Bandar Persahabatan	- Perkongsian maklumat dan hubungan antara kedua-dua bandar di platform <i>Tourism Promotion Organisation</i>

Bil.	Bandar & Negara	Tarikh Tandatangani Perjanjian	Jenis Hubungan	Program Interaksi dan Pertukaran
9.	Changwon, Korea Selatan	20 November 2012	Bandar Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> - Lawatan rasmi dan menyertai Pesta Bunga di Changwon, Korea - Lawatan pegawai mempelajari sistem basikal di Changwon, Korea
10.	Phuket, Thailand	18 September 2014	Bandar Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> - Penerbangan terus antara kedua-dua bandar - Lawatan rasmi ke Phuket, Thailand - Perjanjian perdagangan dan industri pelancongan - Perkongsian warisan Baba Nyonya oleh kedua-dua bandar - Perkongsian dan persefahaman antara bidang Pendidikan kedua-dua bandar - Perkongsian maklumat dan amalan terbaik antara kedua-dua bandar
11.	Sanya, China	11 April 2017	Bandar Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> - Perkongsian maklumat dan amalan terbaik antara kedua-dua bandar - Promosi pelancongan antara dua bandar